

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI MAHDZIR KHALID
[PADANG TERAP]**

TARIKH : 18 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

DATO' SERI MAHDZIR KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan mempunyai kemampuan kewangan bagi melaksanakan inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) berjumlah RM35 bilion bagi meringankan beban rakyat dan memulihkan semula ekonomi negara sedangkan sebelum ini Kerajaan Pakatan Harapan menyatakan bahawa kewangan negara berada dalam keadaan yang kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Susulan penularan pandemik COVID-19, Kerajaan telah memperkenalkan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi bernilai RM295 bilion meliputi RM260 billion bagi Pakej PRIHATIN dan RM35 billion untuk pakej PENJANA bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus berdaya tahan. Pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi ini hanya melibatkan suntikan langsung fiskal berjumlah RM45 bilion. Memandangkan kedudukan kewangan negara pada masa ini mengalami defisit, suntikan fiskal bagi melaksanakan inisiatif di bawah pakej PRIHATIN dan PENJANA akan dibiayai melalui sumber pinjaman dalam negeri.
2. Kerajaan sedar suntikan fiskal tersebut akan meningkatkan hutang, namun pada masa ini yang lebih utama adalah memastikan rakyat dan perniagaan dapat dibantu seterusnya memulihkan ekonomi negara. Ini merupakan *unprecedented crisis* dan hampir semua negara melaksanakan langkah suntikan fiskal bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, seterusnya akan menyebabkan peningkatan defisit dan jumlah hutang.
3. Walau bagaimanapun, semua langkah yang telah diumumkan dalam pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi tersebut adalah bersifat *one-off* dan tidak akan terus membebankan kewangan Kerajaan Persekutuan dalam jangka masa sederhana dan panjang. Ini adalah antara strategi Kerajaan bagi mengurangkan defisit fiskal dalam jangka masa sederhana secara berperingkat seterusnya memastikan kedudukan fiskal dan hutang negara kekal pada paras terkawal. Kerajaan akan meneruskan langkah konsolidasi fiskal dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan kutipan hasil dan kecekapan perbelanjaan bagi mengukuhkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan.

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setelah mengambil kira pengurangan hasil berikutan unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih rendah dan kejatuhan harga minyak mentah dunia serta pertambahan perbelanjaan bagi melaksanakan pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi, defisit fiskal pada tahun 2020 dijangka meningkat kepada sekitar 5.8% hingga 6.0% berbanding 3.2% daripada KDNK. Berdasarkan laporan oleh agensi penarafan antarabangsa Moody's [1], negara serantau juga dijangka mencatat defisit fiskal yang tinggi seperti Singapura sekitar 15%, Jepun 8%, China 6.7% dan Korea Selatan 4%.

5. Kerajaan juga pernah mengalami defisit yang lebih tinggi sebelum ini iaitu 6.7% pada tahun 2009 selepas krisis ekonomi dunia, atau dengan izin, *Global Financial Crisis*, dan berjaya menurunkannya kepada 3.8% pada tahun 2013 (iaitu lebih kurang 3-4 tahun selepas GFC) dan 3.4% pada hujung tahun 2019. Ini adalah hasil disiplin dan pengurusan fiskal berhemah yang diamalkan oleh Kerajaan.

Nota [1]: Laporan agensi penarafan antarabangsa Moody's bertarikh 3 Julai 2020 (Singapura), 1 Jun 2020 (Jepun), 14 Mei 2020 (China) dan 23 Jun 2020 (Korea Selatan).

Sekian, terima kasih.